



TEKS UCAPAN REKTOR
MAJLIS PERJUMAPAAAN BULANAN KAKITANGAN

*Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah
Kolej Universiti INSANIAH
11 Januari 2017 bersamaan 12 Rabiulakhir 1438H*

BismiLLAH ar-Rahman ar-Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, wassola tu wassalam 'ala sayyidil mursalin,
wa 'ala aalihi wasahbihi ajmai'n

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam 1 Malaysia dan Salam
Kedah Muafakat.

Terima kasih saudara pengerusi majlis.

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdullah bin Osman
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Penyelidikan KUIN

YBhg. Tn. Hj. Bukhari bin Abdullah
Timbalan Rektor Hal ehwal Pelajar & Alumni KUIN

YBr. Tn. Hj. Abdullah bin Hashim
Pendaftar KUIN

YBr. En. Mohd Zamri bin Shahdan
Bendahari KUIN

Ahli Senat, Pegawai-pegawai Kanan, seterrusnya Kakitangan Akademik &
Pentadbiran KUIN yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, segala puji-pujian dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, kita semua masih diberikan peluang dan kesempatan untuk sama-sama menjalani kehidupan, melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Nya dengan berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah.

Sesungguhnya, tahun 2016 telah pun berlalu meninggalkan kita dengan seribu satu kenangan dan cabaran yang sudah pun menjadi sebahagian dari sejarah. Kini tiba giliran tahun 2017 muncul untuk sama-sama kita coretkan dengan seribu satu kejayaan. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Tahun Baru kepada seluruh warga Kolej Universiti INSANIAH (KUIN).

Saya berharap agar kita dapat menjadikan kisah hijrah Baginda Rasulullah SAW sebagai pegangan untuk kita jadikan teladan dalam usaha mengorak langkah demi memacu transformasi KUIN ke arah sebuah Universiti Penuh Islam yang terulung di negeri Kedah Darul Aman dan Malaysia secara amnya.

Hadirin sekalian, tahun 2017 merupakan satu cabaran yang cukup besar untuk seluruh warga KUIN, apatah lagi dalam menjunjung titah perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-14, selaku Canselor KUIN, untuk menjadikan KUIN sebagai sebuah Universiti Penuh. Titah Baginda ini telah dizahirkan pada tanggal 24 September 2016, ketika Sidang Pertama, Istiadat Konvokesyen KUIN Ke-18 berlangsung. Maka ianya juga merupakan antara agenda utama Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan KUIN untuk tahun 2017. Untuk makluman, satu Jawatankuasa Pemandu (*Steering Committee*) telah pun ditubuhkan khas untuk memantau secara dekat setiap perancangan dan kemajuan gerak kerja, sebelum permohonan naik taraf ini memenuhi kriteria yang ditetapkan serta bersedia untuk diserahkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua lapisan kakitangan KUIN untuk memberikan sokongan dan berusaha keras untuk terus berada pada landasan yang betul dan terbaik, demi merealisasikan hasrat ini.

Hadirin yang dikasihi sekalian.

Sebagai makluman, kita juga sedang berusaha untuk merealisasikan pembinaan Surau Kolej Kediaman Ibnu Sina dan Masjid INSANIAH. Namun, keutamaan semasa adalah untuk memastikan kerja-kerja pembinaan Surau Kolej Kediaman Ibnu Sina dapat berjalan lancar dan diharapkan mampu untuk memenuhi hasrat, sedia digunakan menjelang Ramadhan tahun ini. Walaubagaimanapun, pembinaan Masjid INSANIAH masih menanti urusan di Pejabat Agama untuk urusan Waqaf yang masih dalam proses. Kos pembinaan surau yang mencecah lebih RM600,000 ini merupakan satu keperluan terutamanya bagi pelajar-pelajar yang mendiami Kolej Kediaman Ibnu Sina. Sehingga hari ini, sumbangan lebih RM320,000 telah berjaya dikumpulkan dan kita amatlah berharap agar mendapat sumbangan lain dari masa ke semasa.

Hadirin yang dirahmati Allah.

Tanggal 5 Disember 2016 yang lalu, telah menyaksikan KUIN menerima lebih 350 orang pelajar baru bagi sesi kemasukan Disember 2016/2017. Rata-rata pelajar dan waris begitu teruja dengan usaha naik taraf KUIN menjelang 2017 ini serta kagum dengan segala kemudahan, persekitaran dan suasana pembelajaran yang dianggap amat bersesuaian sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi. Saya menaruh harapan agar Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan

pihak Kulliyah dapat memastikan pelajar untuk menggunakan kesempatan dan ruang yang ada ini, dengan berusaha lebih maju di dalam pelajaran serta bersedia untuk mengambil bahagian dalam aktiviti sukan, ko-kurikulum dan kemasyarakatan. KUIN hendaklah melahirkan graduan dengan pakejnya yang tersendiri. Maka inilah tanggungjawab kita bersama untuk memastikan agar graduan KUIN cemerlang dalam pelbagai bidang, bukan sekadar cemerlang dalam pencapaian akademik, bahkan memiliki kemahiran-kemahiran 'Soft-Skill' seperti petah berhujah dan aktif secara fizikal, yang kini sudah menjadi permintaan pasaran kerja yang serba moden dan sangat kompetatif.

Selain itu, saya juga berharap agar langkah lebih serius perlu diambil dalam usaha mempromosikan KUIN dan menarik lebih ramai bilangan penuntut dari dalam dan luar negara dengan mempelbagaikan kaedah promosi secara tersusun dan efektif. Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan IPT telah berbelanja besar untuk tujuan promosi. Namun, saya juga yakin bahawa masih ada jalan lain yang mampu kita susunkan demi kelangsungan promosi ini secara kreatif dan efisien, dengan keadaan kewangan semasa KUIN.

Hadirin sekalian,

Insya Allah, apa yang telah saya terangkan ini, mampu untuk kita capai dengan usaha yang gigih dan berterusan. Saya percaya dengan adanya **Pelan Perancangan Strategik KUIN** yang telah dibentangkan sebelum ini di peringkat Pengurusan Eksekutif dan Lembaga Pengarah, semua pihak yang terlibat dilihat mampu untuk mengembeling tenaga dan berusaha sedaya yang mungkin, dalam usaha melaksanakan lapan teras utama seperti yang telah digariskan, agar dapat dicapai dengan jayanya. Pelan komprehensif ini

bukanlah satu omongan kosong, tetapi ianya adalah satu sasaran yang hendaklah dicapai demi kemajuan dan kelangsungan KUIN.

Untuk itu, saya berharap agar satu bengkel khas dapat diadakan bersama semua kakitangan untuk memberi penjelasan dan kefahaman secara menyeluruh berkenaan halatuju sebenar KUIN.

Pelan Perancangan Strategik ini sangat penting dan merupakan **sasaran bersama** dan bukannya terhad kepada segelintir golongan sahaja. Ini adalah hakikat dan hukum alam semesta, di mana Allah SWT telah menjadikan setiap dari kita dengan berbeza-beza untuk saling melengkapi antara satu sama lain. Maka marilah kita mengorak langkah sebagai satu pasukan dengan penerapan konsep ***wehdatul fikr*** (satu pemikiran), ***wehdatul amal*** (satu tindakan) dan ***wehdatul hadaf*** (satu tujuan).

Berbicara tentang kebersamaan dalam Islam ini, mengingatkan saya kepada ayat yang dengan tegas menganjurkan kita agar sentiasa menjaga kekuatan dan kebersamaan sesama kita. Allah SWT telah berfirman di dalam Surah Ali Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ
عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا
وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ
لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

Ertinya : *“Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliah) bermusuh musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu kerana nikmat Allah orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk.” (Surah Ali ‘Imran :103)*

Pada kesempatan ini juga saya ingin mengalu-alukan kedatangan kakitangan KUIN yang baru yang mana kakitangan ini telah melaporkan diri sekitar bulan Disember dan pada awal Januari ini. Antaranya ialah :

- i) Encik Muhamad Fazali bin Ghazali – Pensyarah Kulliyyah Muamalat dan juga dilantik sebagai Pengarah Pusat Jaminan Kualiti
- ii) Encik Marwan Hadid Nazaruddin – Pensyarah Kulliyyah Perubatan
- iii) Puan Shahzatul Shima Binti Mohd Yusoff – Pegawai Undang-Undang

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada kakitangan yang terlibat di atas kejayaan anak-anak mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR dan PT3 bagi tahun 2016. Ucapan tahniah juga ingin saya rakamkankan kepada kakitangan yang baru mendaftarkan anak-anak mereka untuk Pra-Sekolah, Sekolah Rendah dan Menengah bagi sesi pengajian 2017. Saya doakan agar anak-anak ini akan terus berjaya di dunia dan akhirat.

Akhir kata, saya amatlah berharap tahun 2017 ini menjadi tahun yang lebih baik untuk seluruh warga KUIN. Selain itu, saya berharap konsep *barokah* dapat diwujudkan melalui peningkatkan mutu perkhidmatan melalui layanan perkhidmatan kelas pertama kepada pengguna, melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh amanah, serta mengamalkan sifat berhemah dalam penggunaan sumber tenaga elektrik, air dan sebagainya. Marilah kita bersama berganding bahu dalam mencoretkan warna-warna keindahan yang akan menyerikan lagi taman ilmu ini, demi memacu pembangunan KUIN secara lebih *syummul* dan sempurna. Orakan langkah baru dengan minda pemikiran yang serba baru, selaras dengan halatuju dan sasaran kita iaitu, KUIN ke arah sebuah Universiti Penuh.

Saya mendoakan agar Allah SWT sentiasa memayungi KUIN dengan rahmat-Nya dan mempermudah segala urusan dan usaha murni kita semua, Insya Allah.

Sekian,

WABILLAHI TAUFIK WAL HIDAAYAH WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKAATUH.

- TAMAT -

PEJABAT REKTOR
11 JANUARI 2017